

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan setelah 5 bulan dilanda banjir besar yang memusnahkan lebih dua ribu buah rumah, setakat bulan Mei 2015 ini, berapa buah rumah kekal yang telah dibina oleh Kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa tersebut di Negeri Kelantan, serta berapa pula jumlah peruntukan yang telah disalurkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenalpasti 1,827 unit Rumah Kekal Baru yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing akan membina 1,255 unit dan 572 unit Rumah Kekal Baru. Sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 11 unit Rumah Kekal Baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 206 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 228 unit lagi dalam peringkat pra-pembinaan.

Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukan sebanyak RM36.6 juta untuk diagihkan sebagai wang ihsan kepada ketua-ketua isi rumah mangsa banjir di Kelantan. Sehingga 31 Mei 2015, kesemua bantuan wang ihsan melibatkan mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan di seluruh negeri Kelantan telah selesai diagihkan. Setiap ketua isi rumah akan menerima bantuan wang ihsan sebanyak RM500 dan seramai 73,201 ketua isi rumah telah menerima bantuan tersebut.

Sekian. Terima kasih.